

28/03/1997

Perkongsian bijak syarat sertai MSC

Karim Sulaiman in Cambrigde (England)

CAMBRIGDE (England), Khamis - Kerajaan menetapkan hanya syarikat yang memberikan komitmen atau berhasrat bekerjasama dan memindahkan teknologi kepada rakyat Malaysia, diterima menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Dr Mohamed Arif Nun, berkata kriteria itu adalah di antara tiga syarat yang membolehkan sesebuah syarikat itu menerima status syarikat MSC.

Menurutnya, syarat lain ialah syarikat itu mesti syarikat teknologi maklumat (IT) dan multimedia atau banyak menggunakan teknologi maklumat.

Beliau berkata, kerajaan juga menetapkan syarikat itu perlu mempunyai sekurang-kurangnya 15 peratus kakitangan yang mempunyai pengetahuan dalam bidang berkenaan, termasuk mereka yang mempunyai diploma dan ijazah.

"Garis panduan mengenai perkara itu siap semalam (kelmarin) dan akan diedarkan kepada syarikat terbabit minggu depan," katanya selepas membentangkan kertas mengenai MSC kepada 125 pengusaha syarikat Britain dalam Seminar Teknologi Harimau Malaysia dan Singapura, di sini semalam.

Seminar itu adalah taklimat pertama mengenai MSC kepada pengusaha di Britain.

Dr Arif berkata, kerajaan mahukan projek MSC memberikan faedah menyeluruh kepada rakyat melalui pemindahan teknologi.

Menurutnya, perkongsian bijak dalam pemindahan teknologi ini penting bagi membolehkan rakyat Malaysia menguasai teknologi maklumat dan multimedia.

"Pemindahan teknologi yang kita maksudkan ialah kerjasama di antara syarikat terbabit dengan kita (pekerja Malaysia).

"Syarikat terbabit perlu mewujudkan perkongsian atau kerjasama dalam kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan serta pembangunan teknologi dengan rakyat Malaysia," katanya.

Dr Arif berkata, beberapa syarikat yang sudah menyatakan persetujuan untuk menyertai MSC tidak keberatan berbuat demikian.

Menurutnya, urusan syarikat terbabit akan menjadi lebih mudah dengan mengambil pekerja tempatan.

Perkara lain yang ditekankan dalam pemindahan teknologi, termasuk pembangunan teknologi atau komponen bersama; perjanjian pemindahan teknologi, seperti kerjasama dan latihan dan menyediakan struktur teknikal atau latihan operasi kepada pekerja Malaysia.

Mengenai sambutan syarikat Britain terhadap MSC, beliau berkata sambutan adalah menggalakkan dan di luar dugaan.

Sementara itu, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap kepada kira-kira 600 pengusaha syarikat dan mereka terbabit dalam kegiatan multimedia dan teknologi maklumat di Britain untuk mempromosikan MSC Mei depan.

Menurutnya, pertemuan di London, yang bakal disertai lebih 100 pengusaha syarikat multimedia dan teknologi maklumat tempatan itu adalah sebahagian rangka promosi MSC di Eropah.

(END)